

29 APR 1998

TABUNG KHAS NEGARA BERJUMLAH RM2.47 JUTA

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Sumbangan kepada Tabung Khas Negara yang ditubuhkan pada 6 Mac, 1998 kini berjumlah RM2,470,701.90, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah, berkata hari ini.

Beliau juga berkata tarikh terakhir 6 April 1998 yang ditetapkan bagi pungutan tabung itu telah dilanjutkan kepada 6 Julai, 1998 kerana ramai masih belum mengetahui mengenai tabung itu.

Sumbangan-sumbangan kepada tabung itu termasuk wang tunai dalam bentuk matawang tempatan dan asing dan juga barang-barang kemas.

Daripada jumlah yang dipungut setakat ini, Wong berkata wang tunai dalam bentuk matawang tempatan berjumlah RM1.817 juta, wang tunai dalam matawang asing berjumlah RM80,193, derma emas dianggarkan kira-kira 7.0 kg, berjumlah RM273,150 dan barang-barang kemas/batu-batu permata RM300,000.

"Semua wang yang didermakan akan diletakkan dengan tabung disatukan kerajaan... sebahagian daripada sumbangan itu akan digunakan untuk mempertingkatkan rizab tukaran wang asing," beliau memberitahu pemberita selepas mengumumkan tempoh lanjutan tabung itu di sini hari ini.

Wong berkata sumbangan itu boleh dibuat melalui Bank Simpanan Nasional, Bank Islam Malaysia Bhd dan Bank Rakyat Kerjasama Bhd.

Tambahnya bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juta, telah menyumbang pengumpulan wang asing peribadinya berjumlah RM15,000 kepada tabung itu.

Di samping itu, mereka yang menyumbang lebih daripada RM10,000 akan diberikan sijil khas," kata Wong.

Tabung itu diuruskan oleh Perbendaharaan dengan Pejabat Ketua Akauntan Negara telah dipilih sebagai Pengurus Operasi Akaun.

"Tiada jumlah sasaran telah ditetapkan untuk tabung itu," katanya.

Sementara itu, mengenai kadar faedah, Wong berkata paras semasa negara adalah lebih berkaitan dengan keadaan di negara ini.

Beliau berkata kadar faedah Malaysia adalah tinggi tetapi tidak setinggi dijangka oleh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

"Dengan mengambil langkah-langkah yang lengkap, sungguhpun kadar faedah bukan seperti yang dihasratkan IMF, kita dapat mencapaiimbangan penting... yang kami fikir ... boleh mengatasi krisis ekonomi sekarang."

Bagaimanapun, beliau enggan membayangkan sama ada kerajaan mengkaji menaikkan atau menurunkan kadar faedah.

Ditanya apakah paras yang dicari oleh IMF, katanya: "Jika anda melihat Thailand, Korea, kadar faedah adalah melebihi 20 peratus, mungkin IMF mahu kadar faedah kita berada di atas paras itu .. saya tidak tahu."

Mengenai gesaan IMF kepada Malaysia supaya meliberalkan sektor kewangan lebih awal daripada tarikh sasarannya, Wong berkata: "Pendirian Kerajaan adalah jelas. Sasaran-sasaran telah ditetapkan ... kita terpaksa menyiapkan diri untuk menghadapi persaingan. Itulah kenapa kita telah menjalankan satu siri penggabungan." -- BERNAMA

AA OS MA